

SOALAN NO: 35

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH
TARIKH : 24 JULAI 2017
SOALAN : 35**

YB Tuan Haji Hasbi Bin Haji Habibollah [Limbang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- a) apakah status perpindahan Klinik Nanga Medamit dari seberang sungai ke Pekan Nanga Medamit; dan
- b) bilakah kerajaan akan membina hospital Pakar Minor di Limbang.

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman, pada masa ini kawasan tanah mendap di Klinik Kesihatan Nanga Medamit sedia ada telah ditutup semasa projek naik taraf klinik pada tahun 2016 dan tiada tanda-tanda berlakunya pemendapan yang baru. Sehingga kini, pihak Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak masih menunggu laporan dari Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak, berkaitan masalah tanah mendap di Klinik Kesihatan Nanga Medamit tersebut. Klinik ini akan berpindah ke Pekan Nanga

Medamit sekiranya pihak Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak menerima laporan daripada JKR mengenai masalah tanah mendap tersebut dan mendapat arahan untuk berpindah.

Tuan Yang Dipertua,

- b) Daerah Limbang sememangnya telah mempunyai Hospital Limbang yang merupakan salah satu daripada lima buah Hospital Berpakar Minor di Sarawak. Hospital yang dibina pada tahun 1979 ini telah dinaiktaraf menjadi sebuah Hospital Berpakar Minor sejak tahun 2010. Walaubagaimanapun, KKM mengambil maklum akan keperluan untuk menaiktaraf beberapa kemudahan sedia ada bagi meningkatkan lagi skop dan kualiti perkhidmatan di hospital ini, yang mana akan di pertimbangkan secara berperingkat selaras dengan sumber yang dapat disediakan.